

4 Ogos 2009

Pentadbiran Obama Mendekati Masyarakat Islam Dunia Farah Pandith dinamakan wakil khas masyarakat Islam

Oleh Ahmed Mohamed
Penulis Staf

Washington – Presiden Obama mahukan permulaan baru bagi masyarakat Islam di seluruh dunia “berdasarkan kepentingan bersama dan saling hormat-menghormati” dan juga “berdasarkan hakikat bahawa Amerika dan Islam tidak eksklusif dan tidak perlu bersaing.”

Setiausaha Negara Hillary Rodham Clinton berkongsi dengan komitmen Obama. Pada 26 Jun, beliau melantik Farah Pandith sebagai wakil khas masyarakat Islam. Pandith akan bertanggungjawab melaksanakan usaha pentadbiran yang melibatkan masyarakat Islam di seluruh dunia secara perseorangan dan peringkat organisasi.

“Saya orang Islam Amerika, dan ... dan saya akan melihat melalui lensa ini untuk semua perkara,” kata Pandith pada sidang akhbar 1 Julai. “Jika kamu melihat kepada kepelbagaian Islam di Amerika, ia pelbagai dimensi dan nuansa. Masjid kita berada di setiap negeri. Orang Amerika beragama Islam datang daripada 80 latar belakang etnik yang berlainan.”

Pada acara 17 Julai bertajuk “Mendekati Orang Islam: Pendekatan Pentadbiran Obama” yang dihoskan oleh Institut Dasar Timur Dekat Washington (Washington Institute for Near East Policy), Pandith berkata, “Kami akan pergi lebih jauh bagi mencipta peluang bagi aktor bukan negara dan individu untuk menyumbang kepada penyelesaian. Kami percaya pendekatan ini akan memajukan lagi kepentingan kita dengan menyatukan rakan yang berbeza dengan matlamat yang sama.”

Berkenaan tugas barunya, beliau berkata, “Saya bertanggungjawab melibatkan diri secara langsung dengan orang Islam seluruh dunia, mendengar suara mereka, belajar daripada mereka, berbincang dengan mereka dan mengambil tindakan bersama untuk mencipta dan membangun penyelesaian yang mampan, organik dan boleh diskala untuk menghadapi cabaran besar .”

Tugas Pandith menyorot satu perspektif baru: “Kita mesti memanfaatkan saat istimewa ini dan kita akan, dengan menghulurkan tangan untuk generasi seterusnya, membina jaringan pemikir dan menyediakan jambatan kepada pelbagai kumpulan rakan kita.”

“Kita akan bekerja secara langsung pada peringkat orang perseorangan, dan kita akan menggunakan kekuatan keakraban ini dengan individu, ahli perniagaan, ahli akademik, dermawan dan ramai lagi untuk memajukan gagasan ke hadapan dari peringkat bawah ke atas dan

bukan atas ke bawah,” kata Pandith. “Kita juga akan mencipta platform bagi remaja seluruh dunia melibatkan diri bersama dan dengan pemimpin agama dan lain untuk menolong orang muda memahami dan menyeimbangkan identiti mereka yang banyak.”

Beliau menambah, “Kami akan mencari jalan untuk menangani pengangguran dan kekurangan pembangunan ekonomi di kebanyakan masyarakat Islam di dunia, dan untuk ini kami akan bekerja untuk menggalakkan keusahawanan, pendidikan, membolehkan akses kepada pembiayaan bagi semua jenis keusahawanan– tradisional, sosial dan teknologi – dan menggalakkan program mentor di antara pemimpin perniagaan dan usahawan. Keusahawanan membuka kunci kepada potensi dalam masyarakat, penyelesaian kreatif, pemikiran kritikal dan keaslian, semua kualiti yang penting bagi mana-mana masyarakat untuk berjaya dalam ekonomi global hari ini.”

Pandith meluahkan keyakinan dengan masyarakat Islam: “Kita tahu orang Islam sendiri adalah suara yang menolak mesej dan ideologi ekstrimis di jalanan dan di kampung. Terdapat kepelbagaian yang sihat dan cantik dalam lebih kurang 1.3 bilion orang Islam di dunia, dan dalam masyarakat ini terdapat wadah yang belum digunakan sepenuhnya bagi mencapai kecemerlangan.”

Pandith menerima ijazah sarjana dari Sekolah Undang-undang dan Diplomasi Fletcher di Universiti Turfs di Massachusetts. Dari tahun 2007 ke 2009, beliau berkhidmat sebagai penasihat kanan kepada penolong setiausaha Negara A.S. bagi Eropah dan Euroasia. Tumpuan beliau adalah orang Islam di Eropah dan isu berkenaan dengan ideologi ganas Islam. Sebelum menyertai Jabatan Negara, beliau berkhidmat sebagai pengarah bagi inisiatif serantau Timur Tengah di Majlis Keselamatan Kebangsaan.